



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN  
FAEDAH**  
**KOD KURSUS : DSM3203**  
**PEPERIKSAAN : JANUARI 2024**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: **BAHAGIAN A (40 Markah)**  
**BAHAGIAN B (60 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan.
  - ii. Kertas Jawapan Objektif.
  - iii. Buku Jawapan.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

**© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor**

O

O

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda dalam Buku Jawapan.

1. Antara berikut, yang manakah **benar** tentang ekuiti dalaman?
  - A Sistem merit yang boleh diukur berdasarkan skala ekuiti dalaman.
  - B Polisi pimpinan merupakan salah satu teknik dalam ekuiti dalaman.
  - C Keadilan dalam ekuiti dalaman adalah dengan menilai individu berdasarkan pengalaman dan pendidikan.
  - D Ekuiti dalaman melibatkan keadilan dalam membuat perbezaan antara bayaran dan pekerjaan dalam organisasi.
2. \_\_\_\_\_ merujuk kepada bayaran pampasan yang ditentukan berdasarkan kriteria pendidikan, pengalaman dan kemahiran kerja.
  - A Sistem mata
  - B Kedudukan pekerjaan
  - C Sistem analisa pekerjaan
  - D Sistem klasifikasi pekerjaan
3. Hakimi ditawarkan gaji sebanyak RM1500.00 daripada Syarikat Fan Cooler Sdn. Bhd. Beliau juga ditawarkan insentif sebanyak RM15.00 jika setiap unit kipas dapat dijual kepada pelanggan. Berapakah jumlah ganjaran yang akan diterima oleh Hakimi jika beliau dapat menjual 50 unit kipas dalam tempoh sebulan?
  - A RM750.00
  - B RM1000.00
  - C RM1500.00
  - D RM2250.00

4.

- Pelan ini akan menggabungkan usaha pekerja dengan pihak pengurusan.
- Pekerja perlu memberi pendapat serta cadangan untuk meningkatkan produktiviti dan insentif.

**Pernyataan 1**

Berdasarkan pernyataan 1, apakah jenis pelan insentif perkongsian keuntungan yang boleh diberikan kepada pekerja?

- A Pelan Rucker.
- B Pelan Scanlon.
- C Pendapatan pada risiko.
- D Pelan Insentif Pasukan.

5. Encik Huzairi telah menetapkan tahap piawaian penghasilan pen yang perlu dicapai oleh pekerjanya iaitu sebanyak 2500 unit pen dalam masa sebulan. Kadar bayaran adalah sebanyak RM3.00 seunit bagi setiap unit yang melebihi tahap piawaian dan RM1.50 seunit yang tidak mencapai tahap piawaian. Sekiranya Kamal telah menghasilkan 3000 unit manakala Rizki hanya mampu menghasilkan 1000 unit sahaja. Berapakah insentif yang akan diterima oleh Kamal?

- A RM1500.00
- B RM3000.00
- C RM7500.00
- D RM9000.00

6. Cuti isteri bersalin (*paternity leave*) yang telah dikuatkuasakan dalam Akta Kerja 1955 bermula pada 1 Januari 2023 adalah sebanyak

- A tiga hari.
- B lima hari.
- C tujuh hari.
- D mengikut budi bicara majikan.

7. Antara berikut yang manakah **benar** tentang faedah berkanun.
- A** Aminah telah mencarum 13% daripada gaji asasnya kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
  - B** Majikan di Syarikat Haha Sdn. Bhd. telah memberikan cuti tahunan sebanyak 5 hari kepada pekerja.
  - C** Zaini telah menggunakan kos rawatan perubatan yang telah dibiayai oleh majikannya.
  - D** Pekerja yang mengalami kemalangan semasa dalam perjalanan ke tempat kerja boleh mendapat perlindungan di bawah PERKESO.
8. Berdasarkan situasi di bawah, apakah perbezaan antara faedah berkanun dan faedah tidak berkanun?

|          | <b>Faedah Berkanun</b>                                                                     | <b>Faedah Tidak Berkanun</b>                                                                         |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>A</b> | Faedah yang telah termaktub dalam Akta Kerja 1955.                                         | Faedah yang telah termaktub dalam Akta Pampasan 1952.                                                |
| <b>B</b> | Fathonah telah memohon cuti berkahwin selama 3 hari.                                       | Aini telah menggunakan kad rawatan di klinik panel berdaftar.                                        |
| <b>C</b> | Majikan membuat pemotongan caruman KWSP sebanyak 12% kepada pekerja yang bergaji RM6000.00 | Maryam mendapat tawaran menyambung pengajian di Peringkat Ijazah dan telah dibiayai oleh majikannya. |
| <b>D</b> | Laila telah mendapat cuti perlindungan bersalin selama 60 hari.                            | Laila telah mendapat pengesahan cuti sakit selama 2 hari daripada doktor kerana demam panas.         |

9. Gaji asas Encik Syukur ialah RM1800.00 sebulan manakala elaun kehadirannya adalah sebanyak RM150.00. Berdasarkan jadual yang diberikan, berapakah caruman majikan terhadap Encik Syukur pada bulan tersebut?

| AMAUAN UPAH<br>BAGI BULAN ITU |          |        |          | KADAR CARUMAN<br>BAGI BULAN ITU |                         |                           |
|-------------------------------|----------|--------|----------|---------------------------------|-------------------------|---------------------------|
|                               |          |        |          | <i>Oleh<br/>Majikan</i>         | <i>Oleh<br/>Pekerja</i> | <i>Jumlah<br/>Caruman</i> |
|                               | RM       |        | RM       | RM                              | RM                      | RM                        |
| Dari                          | 1,760.01 | hingga | 1,780.00 | 232.00                          | 161.00                  | 393.00                    |
| Dari                          | 1,780.01 | hingga | 1,800.00 | 234.00                          | 162.00                  | 396.00                    |
| Dari                          | 1,800.01 | hingga | 1,820.00 | 237.00                          | 164.00                  | 401.00                    |
| Dari                          | 1,820.01 | hingga | 1,840.00 | 240.00                          | 166.00                  | 406.00                    |
| Dari                          | 1,840.01 | hingga | 1,860.00 | 242.00                          | 168.00                  | 410.00                    |
| Dari                          | 1,860.01 | hingga | 1,880.00 | 245.00                          | 170.00                  | 415.00                    |
| Dari                          | 1,880.01 | hingga | 1,900.00 | 247.00                          | 171.00                  | 418.00                    |
| Dari                          | 1,900.01 | hingga | 1,920.00 | 250.00                          | 173.00                  | 423.00                    |
| Dari                          | 1,920.01 | hingga | 1,940.00 | 253.00                          | 175.00                  | 428.00                    |
| Dari                          | 1,940.01 | hingga | 1,960.00 | 255.00                          | 177.00                  | 432.00                    |
| Dari                          | 1,960.01 | hingga | 1,980.00 | 258.00                          | 179.00                  | 437.00                    |

Jadual 1

- A RM175.00  
 B RM177.00  
 C RM253.00  
 D RM255.00

10. Manakah antara berikut tentang potongan gaji yang dibenarkan oleh majikan di bawah Seksyen 24, Akta Kerja 1955?

- i. Pemotongan yang dibenarkan oleh undang-undang.
- ii. Pemotongan gaji pekerja yang telah diberhentikan untuk hari yang tidak lagi bekerja.
- iii. Kesilapan majikan terlebih membayar gaji mesti ditolak dalam masa 6 bulan selepas terlebih bayar.
- iv. Pemotongan gaji disebabkan pendahuluan yang diterima oleh pekerja daripada majikan pada bulan tersebut dan pengurangan gaji pada bulan berikutnya.

- A** i sahaja.
- B** i dan ii sahaja.
- C** ii dan iv sahaja.
- D** i, ii dan iv sahaja.

11.

Syarikat Annaz Sdn. Bhd.  
Kulai, Kota Tinggi

Nama Pekerja : Sazali Bin Ali  
No Kad Pengenalan : 730709-01-5648  
Akaun Bank : 687878787878  
Bank : Maybank Berhad  
Jabatan : Operasi  
No. Pekerja : 8989

Gaji Asas RM5500.00  
Bonus RM3000.00

KWSP : 8976564  
Cukai Pendapatan: SG6784784

## Slip Gaji 1

|      |          |        |          | Oleh<br>Majikan | Oleh<br>Pekerja | Jumlah<br>Caruman |
|------|----------|--------|----------|-----------------|-----------------|-------------------|
|      | RM       |        | RM       | RM              | RM              | RM                |
| Dari | 6,100.01 | hingga | 6,200.00 | 5.00            | 558.00          | 563.00            |
| Dari | 6,200.01 | hingga | 6,300.00 | 5.00            | 567.00          | 572.00            |
| Dari | 6,300.01 | hingga | 6,400.00 | 5.00            | 576.00          | 581.00            |
| Dari | 6,400.01 | hingga | 6,500.00 | 5.00            | 585.00          | 590.00            |
| Dari | 6,500.01 | hingga | 6,600.00 | 5.00            | 594.00          | 599.00            |
| Dari | 6,600.01 | hingga | 6,700.00 | 5.00            | 603.00          | 608.00            |
| Dari | 6,700.01 | hingga | 6,800.00 | 5.00            | 612.00          | 617.00            |
| Dari | 6,800.01 | hingga | 6,900.00 | 5.00            | 621.00          | 626.00            |
| Dari | 6,900.01 | hingga | 7,000.00 | 5.00            | 630.00          | 635.00            |
| Dari | 7,000.01 | hingga | 7,100.00 | 5.00            | 639.00          | 644.00            |
| Dari | 7,100.01 | hingga | 7,200.00 | 5.00            | 648.00          | 653.00            |
| Dari | 7,200.01 | hingga | 7,300.00 | 5.00            | 657.00          | 662.00            |
| Dari | 7,300.01 | hingga | 7,400.00 | 5.00            | 666.00          | 671.00            |
| Dari | 7,400.01 | hingga | 7,500.00 | 5.00            | 675.00          | 680.00            |
| Dari | 7,500.01 | hingga | 7,600.00 | 5.00            | 684.00          | 689.00            |
| Dari | 7,600.01 | hingga | 7,700.00 | 5.00            | 693.00          | 698.00            |
| Dari | 7,700.01 | hingga | 7,800.00 | 5.00            | 702.00          | 707.00            |
| Dari | 7,800.01 | hingga | 7,900.00 | 5.00            | 711.00          | 716.00            |
| Dari | 7,900.01 | hingga | 8,000.00 | 5.00            | 720.00          | 725.00            |
| Dari | 8,000.01 | hingga | 8,100.00 | 5.00            | 729.00          | 734.00            |
| Dari | 8,100.01 | hingga | 8,200.00 | 5.00            | 738.00          | 743.00            |
| Dari | 8,200.01 | hingga | 8,300.00 | 5.00            | 747.00          | 752.00            |
| Dari | 8,300.01 | hingga | 8,400.00 | 5.00            | 756.00          | 761.00            |
| Dari | 8,400.01 | hingga | 8,500.00 | 5.00            | 765.00          | 770.00            |
| Dari | 8,500.01 | hingga | 8,600.00 | 5.00            | 774.00          | 779.00            |
| Dari | 8,600.01 | hingga | 8,700.00 | 5.00            | 783.00          | 788.00            |
| Dari | 8,700.01 | hingga | 8,800.00 | 5.00            | 792.00          | 797.00            |

## Jadual 2

Berdasarkan slip gaji di atas, berapakah caruman Encik Sazali kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?

- A RM765.00
- B RM770.00
- C RM774.00
- D RM779.00



12.

- Mempunyai kesedaran sendiri dan mempunyai ciri-ciri multitugas.
- Komited terhadap kerjaya dan tidak perlu diawasi secara ketat kerana boleh mengendalikan diri untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- Pekerja memiliki kemampuan kreatif, imaginasi, kepandaian dalam memahami tanggungjawab dan prestasi untuk mencapai pencapaian tujuan bekerja.

**Pernyataan 2**

Pernyataan 2 merujuk kepada

- A** Teori x
- B** Teori y
- C** Motivasi-x
- D** Motivasi-y

13. Pengurus di Syarikat YNZ Sdn. Bhd. telah memberikan bonus, kenaikan gaji dan kenaikan pangkat kepada Encik Ali kerana beliau telah mencapai prestasi kerja yang cemerlang pada tahun 2022. Apakah kategori ganjaran yang telah diterima oleh Encik Ali?

- A** Ganjaran prestasi.
- B** Ganjaran motivasi.
- C** Ganjaran intrinsik.
- D** Ganjaran ekstrinsik.

14. Berikut merupakan individu yang boleh mencarum di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) **kecuali**

- A** pencarum sukarela.
- B** pekerja sektor swasta.
- C** pekerja sektor awam.
- D** pekerja tidak berpencen sektor awam.

15. Manakah antara berikut adalah **benar** tentang perbezaan antara pengeluaran penuh dan pengeluaran sebahagian yang dilakukan oleh ahli KWSP?

|          | Pengeluaran penuh                                                                    | Pengeluaran sebahagian                                                                |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>A</b> | Sarina berusia 50 tahun dan ingin mengeluarkan keseluruhan caruman KWSP.             | Sarina berusia 55 tahun dan ingin mengeluarkan sebahagian caruman KWSP.               |
| <b>B</b> | Sarina membuat pengeluaran KWSP daripada Akaun 2.                                    | Sarina masih bekerja di usia 60 tahun dan ingin mencarum dalam Akaun Emas.            |
| <b>C</b> | Sarina mengalami kemalangan di tempat kerja dan mengakibatkan hilang upaya kekal.    | Sarina disahkan meninggal dunia dan warisnya menuntut untuk membuat pengeluaran KWSP. |
| <b>D</b> | Sarina telah meninggalkan negara dan secara sah telah menjadi warganegara Australia. | Sarina ingin mengeluarkan caruman KWSP untuk tujuan pendidikan anak-anaknya.          |

16.

- Pindahan 2% caruman syer pekerja (suami) ke akaun KWSP isteri.
- Permohonan adalah secara sukarela daripada suami dan pindahan akan dilakukan secara automatik setiap bulan apabila adanya caruman dari majikan yang dikreditkan ke dalam akaun KWSP suami.

### Pernyataan 3

Pernyataan 3 merujuk kepada kategori caruman

- A** i-Kasih.
- B** i-Sayang.
- C** i-Saraan.
- D** sukarela.

17. Cik Azilah merupakan seorang lepasan graduan universiti yang telah diterima bekerja di sebuah syarikat swasta. Beliau masih belum mendaftar sebagai ahli KWSP. Pilih kaedah yang boleh gunakan oleh Cik Azilah untuk membuat pendaftaran sebagai ahli KWSP?
- A i-Sinar.
  - B Mesin KWSP.
  - C i-Akaun Pekerja.
  - D *Self-Service Terminal (SST)*.
18. Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai Perlindungan Suri Rumah di bawah caruman PERKESO?
- A Membayar caruman untuk tempoh 6 bulan sahaja.
  - B Caruman RM120 bagi tempoh 6 bulan berturut-turut.
  - C Melindungi suri rumah yang ditimpa penyakit atau keuzuran
  - D Prinsip '*once in, always in*' akan terpakai bagi suami yang memilih untuk membuat caruman kepada isteri dan anak.
19. Encik Mustakim merupakan pekerja di Syarikat High Steels Sdn. Bhd. Beliau telah mengalami kemalangan ketika dalam perjalanan untuk membeli makanan pada waktu rehat. Apakah skim perlindungan yang sesuai dilindungi untuk Encik Mustakim?
- A Keilatan.
  - B Bencana kerja.
  - C Insurans Syarikat.
  - D Insurans Pekerjaan.

20. Encik Saiful merupakan pekerja asing di Syarikat Pembinaan KLPJ Sdn. Bhd. Beliau layak untuk mencarum Skim Bencana Kerja, PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Berapakah kadar caruman Encik Saiful?

- A** 0.20%
- B** 1.25%
- C** 1.20%
- D** 1.30%

**[40 MARKAH]**

O

O

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan **lima (5)** faedah berkanun dalam pengurusan pampasan dan faedah.  
(10 markah)

- b. Syarikat Insurans Security People Sdn. Bhd. merupakan syarikat baharu yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 2023. Pegawai Sumber Manusia Syarikat itu diarahkan untuk menyediakan kontrak perkhidmatan kepada pekerja yang telah diterima bekerja di syarikat itu. Antara terma dan syarat yang perlu ditulis dalam kontrak perkhidmatan adalah bayaran cuti sakit pekerja. Apakah hari kelayakan dan tempoh tahun perkhidmatan terhadap bayaran cuti sakit yang sepatutnya diberikan kepada pekerja baharu tersebut?

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Huraikan **empat (4)** manfaat menjadi ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

(8 Markah)

- b. Cik Raisha merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Air Jargon Sdn. Bhd. Beliau ditugaskan untuk mengemas kini rekod pekerja supaya caruman ahli KWSP dibayar dengan teratur. Jelaskan maklumat KWSP yang perlu dikemas kini oleh Cik Raisha sebelum tarikh akhir bayaran caruman pada bulan berkenaan?

(12 Markah)

**SOALAN 3**

- a. Cik Asyiqin telah kehilangan pekerjaan disebabkan oleh penutupan syarikat yang mengalami kemerosotan keuntungan jualan akibat daripada penularan Covid-19 sejak tahun 2021. Majikan beliau telah mencadangkan Cik Asyiqin supaya merujuk hal ini kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) agar dapat menangani masalah kewangan yang dihadapi olehnya. Bincangkan faedah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang boleh dipohon oleh Cik Asyiqin sebelum beliau mendapat penempatan pekerjaan baru.

(10 markah)

- b. Lam Wah Yee merupakan seorang pekerja di Syarikat Yougu Sdn. Bhd. Beliau telah mengalami kemalangan dalam perjalanan pulang dari tempat kerja. Cadangkan kepada Lam Wah Yee tentang Skim Perlindungan PERKESO yang boleh dituntut oleh beliau.

(10 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**



O

O